

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
HOTEL CROWN PELANCARAN LOGO YAYASAN BADMINTON MALAYSIA
PRINCESS, KUALA LUMPUR (HCP) (KL)
02 DISEMBER 1992**

Pada hari ini, saya akan melaksanakan satu tugas yang menggembirakan yang akan kekal dalam kenangan manis saya. Majlis pada hari ini sungguh bererti kepada saya kerana ia merupakan setapak lagi ke arah mencapai matlamat Yayasan Badminton Malaysia dan Persatuan Badminton Malaysia, malah pemain-pemain badminton pada keseluruhannya.

2. Sukan tidak lagi menjadi satu keistimewaan atau hak sekumpulan kecil manusia sahaja. Ianya juga tidak seharusnya terhad kepada mereka yang berkemampuan sahaja atau mereka yang boleh bermain dengan cemerlang dalam sukan tersebut.

3. Pada hari ini, sambil kita melancarkan Logo Yayasan ini, kita harus sedar tentang keperluan serta tugas berat kita pada masa hadapan untuk menyediakan kemudahan bermain badminton sehingga ke peringkat akar umbi. Kita mahu melihat badminton dimainkan di kampung-kampung, di kampung-kampung baru, di pekan-pekan kecil dan di bandar-bandar. Kita mahu melihat badminton dimainkan dengan bersungguh-sungguh di seluruh pelusuk negara, di luar bandar dan di bandar.

4. Namun satu lagi aspek penting sukan ini yang harus kita sedari ialah aspek sosial. Aspek ini amat penting daripada segi fizikal dan mental kerana di samping menjaga badan kita sihat ia juga menenangkan fikiran kita.

5. Kita juga harus memikirkan tentang manfaatnya permainan ini daripada segi integrasi sosial di kalangan pemain-pemain. Aspek ini boleh menyumbang terhadap masyarakat penyayang dan memupuk cara hidup yang harmonis di kalangan rakyat Malaysia.

6. Permainan badminton di Malaysia pada hari ini sudah begitu berkembang sekali. Asas permainan ini telahpun dibina dan melalui Yayasan Badminton Malaysia kita harus mengambil langkah yang sepatutnya untuk membolehkan rakyat biasa menyertai permainan badminton, satu permainan yang begitu menarik dan menyeronokkan yang boleh dimainkan antara ahli-ahli keluarga dan rakan-rakan.

7. Peranan Yayasan Badminton Malaysia ialah untuk menggalakkan permainan badminton di semua peringkat dan lapisan masyarakat. Oleh itu peranan yayasan ini ialah untuk membantu Persatuan Badminton Malaysia mempertingkatkan lagi tahap permainan badminton di negara ini.

8. Melalui sokongan kuat beberapa syarikat korporat, dan tidak lama lagi diharapkan melalui kemurahan hati, sumbangan dan usaha-usaha beberapa organisasi dan rakyat

jelata, Yayasan Badminton Malaysia akan dapat melaksanakan projek-projeknya supaya matlamat penubuhannya tercapai.

9. Salah satu projek ini ialah melatih muda-mudi kita yang berbakat. Ini akan dilakukan secara meluas dan intensif di seluruh negara. Projek yang memakan masa tiga tahun ini akan dijalankan di beberapa buah dewan kepunyaan Tenaga Nasional dan Telekom Malaysia. Kepada kedua-dua badan korporat ini, kita mengucapkan berbanyak terima kasih kerana sudi membenarkan kegunaan kemudahan-kemudahannya bagi membantu negara terus mencapai kejayaan dan kegemilangan. Projek khas ini telah direkapi khusus untuk tahun 1998 --iaitu Sukan Komanwel, sukan kedua terbesar di dunia yang akan diadakan di Kuala Lumpur.

10. Institusi yang telah ditubuhkan dan dikenali sebagai Akademi Badminton Malaysia akan meletakkan asas bagi mengeluarkan generasi jaguh-jaguh badminton kita di masa depan. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih di atas sikap bertanggungjawab dan kerjasama organisasi-organisasi seperti MBF group. Sekarang kita boleh melihat sendiri kemudahan-kemudahan lengkap di Akademi ini yang mengandungi 10 buah gelanggang badminton, lengkap dengan bilik-bilik latihan, gymnasium, kemudahan perubatan, pejabat-pejabat pentadbiran dan asrama.

11. Sekolah Sri Garden, sebuah sekolah yang mengikuti kurikulum persekolahan Malaysia dan menjadi sebahagian utama Akademi ini, memberi tekanan berat terhadap permainan badminton bukan sahaja daripada segi kepintaran dan kemahiran permainan badminton, bahkan juga aspek teori permainan itu sendiri. Melalui proses ini adalah diharapkan pemahaman kita mengenai permainan badminton dari semua aspek akan dapat ditingkatkan. Selain dari itu, sekolah ini berhasrat memberi pendidikan menyeluruh di samping mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik.

12. Segala usaha yang dijalankan di Akademi Badminton Malaysia disokong dengan berbagai projek di peringkat negeri. Ini ialah supaya akhirnya kita akan mempunyai satu kumpulan ataupun "pool" pemain-pemain terlatih yang ramai untuk kita membuat pilihan.

13. Yayasan Badminton Malaysia bercadang menjaga kebajikan dan kesejahteraan bukan sahaja pemain-pemain yang kita ada sekarang bahkan muda-mudi yang telah dipilih. Yayasan Badminton Malaysia juga akan memastikan bahawa kebajikan dan perkembangan kerjaya mereka dititikberatkan. Segalanya ini dilakukan sebagai tanda penghargaan yang tinggi terhadap segala jasa dan khidmat mereka kepada negara.

14. Kami berharap rakyat Malaysia akan berganding bahu bersama-sama kami menubuhkan Yayasan Badminton Malaysia. Yayasan ini, seperti juga permainan badminton sendiri, tidak di miliki oleh mana-mana pihak. Ia adalah milik negara dan semua rakyat Malaysia. Yayasan ini telah dirancang supaya semua rakyat dapat menikmati faedahnya.

15. Pada hari ini, kempen kutipan seringggit seorang pada peringkat negara dilancarkan. Adalah diharapkan bahawa tanpa mengira siapa kita atau di mana kita berada, kita dapat menyumbangkan sekurang-kurangnya satu ringgit bagi tujuan murni yang dapat membantu memastikan tubuh badan dan fikiran yang sihat bagi semua rakyat Malaysia.

16. Untuk pengetahuan para hadirin sebagai penghargaan kepada penderma, Yayasan Badminton Malaysia telah mengeluarkan poster dan poskad yang telah ditandatangani oleh pasukan badminton negara kepada penderma-penderma yang menderma lebi daripada \$20.00. Langkah ini adalah sebagai tanda terima kasih mereka kepada rakyat Malaysia. Melalui sokongan kuat rakyat Malaysia pasukan badminton negara kita telah berjaya merangkul kembali Piala Thomas yang terkemuka itu dalam bulan Mei 1992.

17. Memenangi Piala Thomas, bagi saya adalah lebih daripada suatu lambang keagungan Malaysia di dalam permainan Badminton. Keseluruhan kempen untuk memenangi Piala tersebut menunjukkan semua rakyat Malaysia dari berbagai bangsa bersatu memberi galakan kepada pemain-pemain kita yang berbakat dan berazam kuat untuk meletakkan semula Malaysia sebagai sebuah negara Badminton yang terkemuka di dunia. Semua rakyat Malaysia telah bersama-sama berdiri memberikan semangat setiap kali pemain-pemain kita bermati-matian mendapatkan mata. Rakyat Malaysia, dengan penuh semangat kesukanan telah memberi galakan sungguhpun pasukan kita tewas di tangan pasukan Korea Selatan. Penonton-penonton yang sama ini, dengan penuh emosi, telah terus memberi sokongan yang bersemangat kepada pemain-pemain kita apabila mereka mengalahkan negara China dalam peringkat separuh akhir dan seterusnya menewaskan Indonesia di peringkat akhir.

18. Bagi sebuah negara berbilang kaum seperti Malaysia perpaduan negara adalah diberi keutamaan. Saya percaya permainan Badminton pada peringkat pertandingan dan pada peringkat sosial akan dapat membantu segala usaha kita dalam membangunkan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

19. Cara hidup kita hari ini telah banyak berubah. Kita bersyukur ekonomi negara bertambah baik dan dengan ini corak hidup kita juga jelas telah berubah. Dalam zaman yang berubah ini, kita mesti berusaha mencari jalan supaya dapat menggunakan masa lapang kita dengan berfaedah, di samping menyediakan diri dari segi fizikal dan mental untuk menghadapi cabaran-cabaran yang kita hadapi sebagai seorang individu, sebagai sebuah pertubuhan dan sebagai sebuah negara. Yayasan Badminton Malaysia percaya penuh bahawa permainan Badminton ini dapat memainkan peranan yang bermakna dalam hal ini. Ini lebih-lebih lagi memandangkan permainan ini sudahpun begitu popular dan kita telahpun mendapat kejayaan yang cemerlang.

20. Oleh itu, sukalah saya merayu kepada semua badan korporat dan individu untuk memastikan kita akan berjaya membawa permainan badminton ini kepada orang ramai.

Saya merayu juga kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian agar sudi menghulurkan derma dengan seberapa ikhlas bagi menjayakan hasrat kami demi perkembangan fizikal dan mental kita sendiri, anak-anak kita dan anak-anak mereka seterusnya.

21. Dengan harapan ini saya dengan sukacitanya melancarkan Logo Yayasan Badminton Malaysia dan mendoakan semoga Yayasan ini selamat maju jaya di dalam segala usahanya yang akan datang.

22. Marilah kita berusaha pada hari ini untuk mencapai kejayaan di hari hadapan kelak.